

Kemuncak fenomena Ahad ini naik sehingga 5 meter

Kosmo

04/10/2006

Air pasang besar 6 hingga 10 Oktober

Oleh MOHD. AZELI ALI
dan NUR AISHAH M.AMIN
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Penduduk di pesisiran Pantai Barat Semenanjung khususnya Selangor diminta bersedia menghadapi sebarang kemungkinan fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku pada 6 hingga 10 Oktober ini.

Biar pun kejadian seumpama itu bukanlah kali pertama berlaku namun penduduk diingatkan supaya berwaspada kerana air laut dijangka akan naik sehingga 5 meter pada 8 Oktober ini mulai 6.30 pagi.

Menurut Pegawai Kaji Cuaca, Jabatan Meteorologi Malaysia, Ambun Dindang, fenomena air pasang besar itu berpunca daripada daya tarikan graviti bulan yang memberi kesan kepada paras air laut di tempat-tempat tertentu.

Fenomena itu difahamkan akan bertambah serius jika berlaku hujan lebat di bahagian pedalaman Selangor atau Perak pada tarikh tersebut.

"Kita bimbang berlaku hujan lebat di bahagian pedalaman kerana aliran air dari hulu akan bertembung dengan kenaikan air laut yang boleh mengakibatkan banjir besar di beberapa tempat seperti Pelabuhan Klang serta Lumut.

"Namun sekiranya tiada hujan, penduduk tidak perlu bimbang kerana secara keseluruhannya cuaca pada tarikh tersebut adalah kering," ujarnya.

Ambun dihubungi *KOSMO!* untuk mengulas fenomena air pasang besar yang dijangka setinggi 4.65 meter (6 Oktober), 4.93 meter (7 Oktober), 4.96 meter (9 Oktober) dan 4.77 meter (10 Oktober).

Fenomena air pasang besar itu pernah berlaku di Pulau Pinang, Pulau Ketam, Pelabuhan Klang, Pantai Klebang, Melaka

dan Alor Star, Kedah pada tahun lepas.

Sementara itu, Pengerusi Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor, Datuk Abdul Fatah Iskandar dalam satu kenyataannya menasihati penduduk sepanjang pantai Selangor agar mengambil langkah berjaga-jaga pada tarikh tersebut.

"Penduduk diminta berhubung dengan pejabat daerah, Jabatan pengairan dan Saliran (JPS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) masing-masing.

"JPS juga telah mengambil tindakan awal seperti memeriksa struktur binaan kawalan banjir, benteng sungai dan pantai selain menempatkan pam-pam bergerak di lokasi yang berisiko berlaku banjir kilat," katanya.

Sebagai langkah berjaga-jaga, JPS akan membuat pemantauan selama 24 jam serta memaklumkan kepada orang awam sebarang perubahan cuaca yang berlaku.